



01 Nov 2018
Harijan Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 35 • Printed Size: 115.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 4,530.30
Item ID: MY0034194392

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 2

MPSepang terima sijil MBR

Cyberjaya: Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dianugerahkan pensijilan dan penarafan dalam Malaysia Book of Records (MBR) bagi kategori pihak berkuasa tempatan (PBT) yang pertama membangunkan program pendidikan kesedaran mengenai denggi untuk murid tadika di sini, semalam.

Anugerah MBR itu berdasarkan kepada silibus 'Taska Free Aedes (TAFES)' yang dibangunkan MPSe-

pang bertujuan memberi pendidikan dan pendedahan awal mengenai kawalan dan pencegahan denggi di peringkat prasekolah.

Sijil penghargaan itu disampaikan wakil MBR, Siti Hajar Johor kepada Timbalan Yang Dipertua MPSepang, Muhammad Hafiz Shaari.

Muhammad Hafiz berkata, MPSepang menjadi PBT pertama yang mengadakan program itu yang turut dijayakan dengan kerjasama beberapa agensi luar lain.



MUHAMMAD Hafiz (tiga dari kanan) menerima Sijil Penarafan MBR pada majlis Mesyuarat Ahli-ahli Majlis MPSepang.

Headline	Kementerian tunggu laporan dakwaan guru tidak masuk kelas tujuh bulan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	8	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,865
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,595



Kementerian tunggu laporan dakwaan guru tidak masuk kelas tujuh bulan

SHAH ALAM – Kementerian Pendidikan sedang menunggu laporan daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah berhubung dakwaan seorang remaja terhadap bekas guru Bahasa Inggerisnya yang dikatakan tidak masuk kelas selama tujuh bulan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching yang turut terkejut meluahkan rasa kecewa sekiranya dakwaan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taun Gusi itu benar.

“Kami masih tunggu laporan daripada JPN Sabah kerana perkara ini telah tiga tahun berlaku, jadi kita masih tunggu



NIE CHING



SEORANG bekas pelajar SMK Taun Gusi dilaporkan menyaman guru Bahasa Inggerisnya kerana mendakwa tidak masuk ke kelas selama tujuh bulan pada tahun 2015.

laporan terperinci.

“Bagi saya ini adalah sangat mengecewakan, kalau memang aduan telah dibuat tetapi perhatian yang sewajarnya tidak diberi ke atas aduan tersebut, jadi kita perlu tahu di mana silapnya

perkara ini,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar berhubung seorang remaja perempuan, Nafirah Siman, 18, memfailkan saman terhadap bekas

guru Bahasa Inggeris sekolahnya atas dakwaan tidak masuk kelas selama tujuh bulan.

Bekas pelajar SMK Taun Gusi itu memfailkan saman berkenaan terhadap Jainal Jamran yang didakwa tidak masuk kelas dalam tempoh berkenaan pada 2015, ketika dia berada di Tingkatan Empat.

Saman itu difailkan menerusi tetuan Roxana & Co pada 16 Oktober lalu dan dia turut menamakan pengetua, Suid Hanapi; Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud, Pengarah Jabatan Pendidikan Sabah, Kementerian Pendidikan dan kerajaan sebagai defendan.

Nafirah mendakwa, walaupun beberapa aduan dibuat, namun tiada tindakan diambil.



01 Nov 2018
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Negara • Page: 50 • Printed Size: 193.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,009.00
Item ID: MY0034192992

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



MBSA anjur program jualan sayur petik sendiri



JUALAN. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengadakan program jualan sayur petik sendiri dari ladang sempena sambutan ulang tahun bandar raya Shah Alam ke-18 di Kebun Komuniti Persatuan Penduduk Rumah Teres, Seksyen 24, Shah Alam baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, tujuan program itu diadakan adalah sebagai platform kepada komuniti setempat untuk mendapatkan sayur-sayuran dengan lebih murah dan segar.

Majlis itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur



IZHAM (lapan dari kiri) dan Ahmad Zaharin (lapan dari kanan) bergambar ketika melawat Kebun Komuniti Persatuan Penduduk Rumah Teres, Seksyen 24, Shah Alam baru-baru.

dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, Ir. Izham Hashim.

Turut hadir Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Pas bantah pesta arak

**Serah
memorandum
kepada IPD
Subang Jaya
dan MPSJ**

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SUBANG JAYA

Pas Selangor menerusi Sekretariat #SaveUmmah menyerahkan memorandum kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya serta Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi membantah sebarang penganjuran pesta arak atau Oktoberfest di daerah ini.

Timbalan Ketua Dewan Pemuda Pas Selangor (DPPS), Mohd Hanapi Zulkapli ber-



Hanafi (kiri) ketika bertemu wakil daripada MPSJ untuk serahan memorandum membantah penganjuran pesta arak di Subang.

kata, serahan memorandum bantahan itu diharapkan mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) setelah pihaknya menerima maklumat ia akan dianjurkan di salah sebuah hotel di Subang.

"Jadi menerusi serahan memorandum ini, kita meng-

gesa agar program ini tidak akan diluluskan di peringkat PBT dan tiada penganjuran program sedemikian di kawasan Subang.

"Kami berharap pesta arak ini tidak dianjurkan kerana ia bakal memberi kesan negatif yang cukup besar dari segi sosial dan kepada masy-



Wakil Sekretariat #SaveUmmah sewaktu hadir ke IPD Subang Jaya bagi menyerahkan memorandum bantah penganjuran pesta arak.

arakat, malah saya kira tidak ada perkara positif daripada penganjuran pesta arak.

"Kami juga menyeru seluruh rakyat khususnya di Selangor termasuk yang bukan Islam agar bersama-sama Sekretariat #SaveUmmah bagi menyuarakan rasa tidak bersetuju dengan pesta arak

yang tidak bermoral, bahkan ia bakal mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat dan komuniti setempat," katanya ketika sidang media, semalam.

Selain DPPS, Sekretariat #SaveUmmah turut disertai Dewan Muslimat Pas Selangor serta Dewan Ulamak Pas

Selangor.

Serahan memorandum berkenaan kepada IPD Subang Jaya diterima oleh Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari pada jam 9.45 pagi sementara serahan kepada MPSJ pula diterima oleh wakil.

Selain itu, Hanapi yang juga Ketua Dewan Pemuda Pas Subang menyeru agar lebih ramai pihak menyokong gerakan bagi membendung aktiviti dan gejala tidak sihat yang boleh merosakkan nilai moral dalam masyarakat.

"Kita juga mengharapkan sokongan lebih ramai terutama di kalangan badan bukan kerajaan (NGO), parti-parti politik, pimpinan-pimpinan komuniti dan lain-lain bagi memastikan gejala-gejala mungkar dan maksiat dapat dibendung," katanya.



Pandu tak ikut undang-undang

109 warga asing dikesan lakukan pelbagai kesalahan jalan raya

MUHAMMAD FAIZ SULONG

CYBERJAYA

Seramai 109 warga asing dikesan melakukan pelbagai kesalahan yang melanggar undang-undang jalanraya negara ini dalam Op Bersepadu 4 (warga asing) pelbagai agensi, semalam.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor, Nazli Md Taib berkata, operasi berkenaan dijalankan

di tiga lokasi serentak sekitar Cyberjaya bersama beberapa agensi lain termasuk polis, Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kastam dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Menurutnya, operasi berkenaan dilaksanakan bagi memastikan pemandu warga asing memiliki lesen memandu dan pengenalan diri yang sah sebelum dibenarkan memandu.

"Pihak JPJ juga mengeluarkan 80 notis saman pelbagai kesalahan, enam notis arahan periksa serta 15 notis sitaan kenderaan.

"Daripada jumlah 109 warga asing yang dikesan, 30 daripadanya warga Nigeria, Pakistan (27), Indonesia (23), Bangladesh (20), India (8), Lebanon (1) serta Jordan (1).



Penunggang motosikal diperiksa dalam operasi berkenaan.

"Kita memandang serius perkara ini kerana masih ramai warga asing melakukan kesalahan jalan raya, kesalahan-kesalahan ini kita bimbang akan menyumbang kepada terjadinya kema-

langan," katanya, semalam.

Nazli berkata, dalam tiga operasi sebelum ini sepanjang 2018, pihaknya mengesan seramai 392 warga asing yang melanggar undang-undang jalan raya selain men-

geluarkan 3074 notis saman.

"Kita akan teruskan operasi seperti ini bersama PDRM dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan warga asing patuh undang-undang dan faham

info

Dalam tiga operasi sepanjang 2018, sebanyak 2074 notis saman dikeluarkan kepada 393 warga asing

peraturan pemanduan jalanraya di negara ini.

"Bermula tahun depan, kita akan mengambil inisiatif proaktif dengan kerjasama institusi pendidikan antarabangsa di sekitar Cyberjaya, untuk membuat sesi khas bersama JPJ dan PDRM setiap kali sesi pendaftaran pelajar warga asing baharu.

"Jadi kita boleh jelaskan kepada mereka sejak awal berkaitan undang-undang dan peraturan jalan raya," katanya.

Headline	500 bakal sertai larian bendang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2018	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	54 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 532
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,596



500 bakal sertai larian bendang

SABAKBERNAM - Kira-kira 500 peserta tempatan dan antarabangsa dijangka menyertai program larian bendang sejauh 13 kilometer dianjurkan sempena Karnival Pelancongan Sabak Bernam, 10 November ini.

Setiasaha Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Mohd Muktafi Sarpan berkata, pendaftaran program bermula pada jam 6 pagi dan pelepasan larian dijangka pada jam 7 pagi di Stadium Sungai Besar,

Menurutnya, larian bendang yang diadakan sejak tiga tahun berturut-turut sempena penganjuran karnival pelancongan itu menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM2,950.

Maklumat lanjut boleh melayari <http://larianbendangsungaibesar.blogspot.com> atau <http://catursabakbernam.blogspot.com>.

Headline	PPC bukti semangat tidak pernah padam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,183



PPC bukti semangat tidak pernah padam

TANJONG KARANG – Berkat semangat yang tidak pernah padam dalam berkhidmat untuk masyarakat diterjemahkan dengan penerimaan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) buat kali pertama.

Pegawai Bomba Kanan II Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tanjong Karang, Zuraini Mohamed Rawian bersyukur kerana terpilih menerima pingat bersama suaminya, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Mohamed Sabri A Shamsudeen yang menerima Pingat Keberanian Terbilang (PKT).

Menurutnya, ia anugerah



Zuraini (tengah) bersama ketuanya, Azmi (kiri) yang turut menerima PP dan Asmori yang menerima PJK.

berganda buat beliau sekeluarga, sekaligus menjadi hadiah teristimewa sepanjang 26 tahun berkhidmat. “Saya sangat bersyukur sebab tak sangka menjadi

salah seorang penerima dan lebih seronok apabila suami saya dan dua lagi pegawai dapat naik ‘pentas’ istiadat sama,” katanya.

Menurutnya, anugerah itu menjadi koleksi atas kecomerlangan sepanjang perkhidmatan memandangkan pernah menerima pingat cemerlang bomba dan anugerah perkhidmatan cemerlang.

“Saya mahu jadikan diri sebagai ‘role model’ buat lima anak supaya mereka mampu berjaya di dunia dan akhirat walaupun hanya berpeluang belajar sampai SPM.

“PPC ini juga hadiah

untuk Allahyarhamah ibu yang banyak berusaha pastikan saya jadi pegawai bomba,” katanya.

Zuraini antara tiga pegawai BBP Tanjong Karang diketuai ketuanya, Penolong Penguasa Bomba Azmi Abbas yang menerima PPC dan Pegawai Bomba Asmori Mansor pula menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Anugerah berkenaan disampaikan pada Majlis Istiadat Pengurniaan Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ke-72.



6 kilang operasi secara haram

Pemeriksaan dilakukan susulan aduan berhubung isu pencemaran

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR



MOHD JEFRIEE



Pemilik kilang yang gagal menyelenggara asrama pekerja sehingga menyebabkan kekotoran premis turut dikenakan notis.

Enam kilang di Jalan Keretapi Lama, Tambak Jawa di sini dikesan beroperasi secara haram hingga menyumbang kepada kacau ganggu, bau busuk dan pencemaran sungai berhampiran.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Mohd Jefriee Abd Manaf berkata, pihaknya menjalankan siasatan susulan dakwaan penduduk

berhubung air sungai kotor disebabkan kumbahan kilang tidak terkawal di kawasan itu.

"Hasil pemeriksaan dapati, wujud air kumbahan berwarna hitam dan berbau busuk mengalir di kawasan sungai disebabkan sisa kilang yang disyaki.

"MDKS beri notis dan cadangan penambahbaikan supaya pencemaran tidak berulang," katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut

dijalankan mendapati terdapat sebuah kilang berlesen gagal menyelenggara asrama pekerja dengan baik, manakala enam lagi beroperasi secara haram.

"MDKS juga beri dua kompaun kepada pemilik kilang berlesen supaya mematuhi arahan untuk bersihkan kawasan dan menyelenggara asrama pekerja dengan baik.

"Enam kilang lagi yang

dikenal pasti beroperasi tanpa lesen dikenakan notis kacau ganggu sebelum operasi bersepadu dengan agensi berkaitan," katanya.

Mohd Jefriee berkata, kompaun dikenakan sehingga maksimum RM1,000 sebagai pengajaran.

"Bagi kilang yang tidak berlesen, MDKS cadangkan supaya mohon lesen, selain buat kolam tadahan dan rawatan sisa kumbahan

dalam kawasan kilang.

"Pemantauan dilaksanakan berkala bagi memastikan kawasan kilang bersih dan jika gagal, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan," katanya.

Penduduk, Hazri Mardan, 50, berkata, pihaknya membangkitkan isu sama kepada pihak kilang terbabit tetapi diberikan alasan tidak munasabah semata-mata mahu

info

- Sisa kumbahan yang mengalir jadi punca air bau busuk
- Kompaun dikenakan maksimum RM1,000

mengalihkan perhatian.

Menurutnya, aduan turut dipanjangkan kepada ahli Majlis Daerah Kuala Selangor dan wakil kilang untuk penjelasan lanjut.

"Bagaimanapun ketika kami datang adu hal ini, wakil kilang dakwa air parit yang mengalir ke sungai kotor disebabkan sisa kumbahan mandian pekerja asing.

"Bila kami siasat, rupanya memang sisa kumbahan kilang terbabit yang mengalir keluar di bahagian belakang jadi punca air berbau busuk tetapi pihak kilang boleh pula salahkan pekerja asing," katanya.

Headline	MPK siap sedia 24 jam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	372 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,345
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,035



MPK siap sedia 24 jam

Skuad Pantas jadi responden awal beri maklumat, sedia hadapi Monsun Timur Laut

AZIE YAHAYA

KLANG

Pasukan Tindakan Segera (Skuad Pantas) Majlis Perbandaran Klang (MPK) sedia beroperasi 24 jam bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut yang dijangka berlarutan hingga Disember ini.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasin Bidin berkata, skuad terbabit juga akan bertindak sebagai responden pertama yang menyampaikan maklumat dan



Yasin bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat MPK, semalam.

laporan bencana.

Menurutnya, Jabatan Meteorologi Malaysia Selangor meramalkan purata taburan hujan pada November paling tinggi iaitu 250mm

hingga 370mm.

"Dijangka fenomena air pasang besar akan berlaku pada 7 hingga 8 November ini setinggi 5.4 meter. Jangkaan hujan tinggi menyebabkan

banjir dan banjir kilat di kawasan berisiko," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Bulanan MPK, di sini, semalam.

Beliau berkata, kawasan dikenal pasti berisiko banjir adalah Kampung Telok Gong, Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah, Bandar Puteri, Kampung Delek dan Persiaran Hamzah Alang.

"Pusat pemindahan bersedia dibuka di Dewan Meru bagi kawasan Klang Utara, Dewan Kampung Kuantan, Dewan Sentosa dan Dewan Telok Pulai bagi kawasan Klang Selatan selain pusat pemindahan di bawah seliaan Pejabat Tanah dan Daerah," katanya.

Tambah Mohamad Yasin, pihaknya juga membuat pemantauan dan pembersihan saluran parit di seluruh kawasan terutama berisiko tinggi bagi mengelakkan masalah aliran.

"Kita turut mengarahkan semua jabatan berkaitan bersedia dari segi logistik serta tenaga kerja bagi menghadapi sebarang kejadian

yang tidak diingini.

"Justeru kita nasihatkan semua warga Klang terutama mereka yang tinggal berhampiran kawasan berisiko banjir dan banjir kilat dapat mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak keselamatan selain mengambil langkah persediaan sewajarnya dalam menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Dalam perkembangan lain, katanya, sebanyak 50 anjing liar ditangkap dalam ops penangkapan anjing yang dilaksanakan pada 26 hingga 28 Oktober lalu di Sungai Lima dan Pulau Ketam.

"Ops ini dijalankan selepas aduan orang ramai berhubung kehadiran anjing liar di kawasan mereka.

"Tahun lalu, kita menangkap 11,987 anjing liar manakala sehingga Oktober lalu, sebanyak 5,867 anjing liar ditangkap di seluruh kawasan selian MPK," katanya.

Headline	Petaling Perdana bolot banyak kategori		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	757 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,913
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,739



Johan keseluruhan Karnival Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah Peringkat Negeri Selangor 2018

FAEZAH MUDA

KLANG - Petaling Perdana dinobatkan johan keseluruhan Karnival Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah Peringkat Negeri Selangor 2018.

Kemenangan itu dicapai apabila daerah tersebut berjaya memenangi sebahagian besar kategori dipertandingkan iaitu Smart Speller Lelaki dan Perempuan, Susun Huruf Jadi Perkataan dan Perucapan Berirama.

Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, Nor Faridah A Bakar berkata, program seumpama itu memupuk kejayaan kanak-kanak prasekolah kerana itu adalah jejak pertama mereka di bangku sekolah.

"Bagilah mereka sokongan padu dan ruang kepada mereka menimba sebanyak mungkin ilmu yang ada terutama bidang akademik serta ilmu dalam meningkatkan sahsiah diri anak-anak.

"Moga murid ini menjadi seorang anak yang berjaya, seorang murid yang berani dan yakin dengan kebolehan diri sendiri," katanya.

Petaling Perdana bolot banyak kategori



Kanak-kanak dan guru Petaling Perdana merayakan kemenangan setelah dinobatkan johan keseluruhan Karnival Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah Peringkat Negeri Selangor 2018.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutupan Karnival Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah Peringkat Negeri Selangor 2018 pada 18 Oktober lalu di Hotel Goldcourse, di sini.

Pada pertandingan tersebut, Petaling Utama turut mendapat johan bagi kategori Menulis Ayat

Mudah (Bahasa Melayu) serta Daerah Gombak mendapat johan Menulis Ayat Mudah (Bahasa Inggeris).

Nor Faridah turut berkata, aktiviti yang dipertandingkan pada hari tersebut berasaskan kokurikulum silibus prasekolah.

"Contoh dalam muzik dan perkusi, kita terapkan penggunaan alat muzik

kerana nyanyian adalah sesuatu yang menghiburkan.. dari situ akan menarik minat murid belajar.

"Apabila minat ada dalam diri, bermulanya kembara ilmu yang akan ditimba oleh mereka.. jadi bagilah keutamaan kepada mereka, guru dan ibu bapa berilah perhatian khusus serta kelas dipantau sentiasa," katanya.

Menurutnya, persiapan sebegini dilakukan bagi memastikan murid yang masuk ke tahun 1 sudah pandai membaca.

"Kesilapan besar kita jika tidak memberi pendidikan yang secukupnya kepada mereka.. umur yang baik untuk memulakan pendidikan adalah seawal tiga tahun," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Unit Pengurusan Prasekolah Selangor, Kholishah Hassan berkata, pertandingan disertai 10 daerah seluruh Selangor itu pamerkan kualiti persembahan kanak-kanak lebih baik berbanding tahun lalu

Guru pembimbing Muzik Perkusi dan Formasi SK Taman Jasmin, Kajang, Daerah Hulu Langat, Intan Fatimadzirah Zainalabidin berkata, beliau sangat terharu mendapat Johan Kategori Pertandingan Muzik Perkusi dan Formasi.

"Ini kali pertama sekolah kami sertai...kanak-kanak dilatih dalam masa dua minggu. Walaupun mereka tiada asa muzik, tetapi mendapat hasil sebegini.

"Untuk mengingatkan mereka mengikut step, latihan perlu dibuat sentiasa.. banyakkang dengar lagu dan ikut bit.. baru latih corak irama," jelasnya.



Johan kategori Pertandingan Muzik Perkusi dan Formasi, Daerah Hulu Langat.



Pasukan naib johan Kategori Parucapan Berirama Daerah Gombak.



Kanak-kanak wakil daerah Klang ketika menyertai Pertandingan Perucapan Berirama.



Pasukan johan Kategori Perucapan Berirama Daerah Petaling Perdana.

Headline	Selangor United cari pemain Liga Perdana 2019		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	251 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,281
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,844



Selangor United cari pemain Liga Perdana 2019

KLANG - Pemain tempatan yang berminat terutama dan berpengalaman serta berusia bawah 30 tahun, dialu-alukan hadir menjalani sesi ujian pemilihan skuad Liga Perdana Selangor United bagi musim 2019.

Setiausaha pasukan, Mohd Nizam Hashim berkata, ujian akan diadakan pada 3 dan 4 November ini di Padang Kelab Kilat, Bangsar dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Katanya, Selangor United dinaikkan ke Liga Perdana 2019 selepas mara ke separuh akhir seterusnya muncul naib juara Piala FAM, September lalu.

"Pemain dikehendaki membawa kelengkapan sukan sendiri yang bersesuaian dan menanggung segala kos menghidrinya," katanya.

Mereka yang berminat, boleh menghubungi Nizam (012-6397015) atau Rostam Baharum (012-2115389) untuk keterangan lanjut.



Selangor United dinaikkan ke Liga Perdana musim depan dengan status naib juara Piala FAM 2018.

Headline	Juara liga ABBC sukar digugat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	51	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	205 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,491



Regu Dr Zainuddin dan Adi Sazlimi (kanan) dinobatkan sebagai johan setelah menewaskan regu Razi Effendi dan Hashim (kiri).

Juara liga ABBC sukar digugat

SHAH ALAM - Juara liga Alam Budiman Badminton Club (ABBC), Dr Zainuddin Ibrahim dan Adi Sazlimi Mohd Mukhtar membuktikan regu mereka paling mantap apabila merangkul gelaran juara pusingan kalah mati kelmarin.

Mereka menewaskan regu Razi Effendi Suhit dan Hashim Abdullah dengan keputusan straight set 21-14, 21-14 dalam perlawanan yang berlangsung di Puncak Alam.

Dr Zainuddin berkata, kemenangan berkenaan adalah hasil sokongan padu rakan-rakan dan fokus 100 peratus sepanjang perlawanan.

"Regu lawan memberikan saingan yang sengit, namun kami berjaya mencuri mata penting untuk memastikan kemenangan dalam genggaman," katanya.

Sementara itu, regu naib johan, Razi Effendi dan Hashim mengakui kehairahan untuk menang menyebabkan mereka sering melakukan beberapa kesilapan hingga gagal untuk menjinakkan pihak lawan.

Razi Effendi berkata, keampuhan regu lawan juga tidak dapat di-

sangkal kerana bijak memanfaatkan peluang untuk mencuri mata.

Manakala tempat ketiga milik Shaheran Abdul Hamid dan Tom setelah menewaskan regu Mohd Nazim Suri dan pasangannya, Mohd Hafizul Anuar Mohd Hairi Hayati, 21-14, 21-19.

Dalam pada itu saingan kategori bukan pilihan, johan milik Rashidee Ramli dan Azwan Azis setelah menewaskan regu Abdul Somad Md Yusuf dan Mohamad Hafizuddin Azis dengan keputusan 21-13 dan 21-19.

Tempat ketiga milik Sharman Abdul Ghani dan Mohd Syafiq Najiuddin Mahdazar setelah menewaskan regu Muhammad Aizuddin Jobri dan Mohd Hafizi Awang @ Setapa dengan keputusan 21-17, 19-21 dan 22-20.

Johan kategori regu pilihan membawa pulang wang tunai (RM2,000) naib johan (RM1,500) dan ketiga (RM1,000).

Kategori bukan pilihan pula johan (RM600), naib johan (RM500) dan ketiga (RM400).

Headline	479 perumahan berisiko jadi sarang penagih dadah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	56	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	304 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,189



479 perumahan berisiko jadi sarang penagih dadah

KAJANG 31 Okt. - Sebanyak 479 Projek Prumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di seluruh negara dikenal pasti sebagai kawasan berisiko penyalahgunaan dadah.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Seri Zulkifli Abdullah memberitahu, daripada jumlah tersebut sebanyak 41 buah PPR adalah yang terletak di Wilayah Persekutuan dan tiga di Selangor.

Beliau berkata, trend penagihan dadah melibatkan belia berumur 19 hingga 40 tahun berpunca daripada faktor kepadatan penduduk, isu kos sara hidup dan kekurangan kemudahan awam seperti tempat sukan dan riadah.

"Kita akan pertingkatkan kerjasama dengan agensi sep-

**MAKLUM
BALAS**



ZULKIFLI ABDULLAH

erti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengekang aktiviti tidak bermoral ini.

"Kualiti kehidupan penduduk juga perlu ditambah baik dengan meningkatkan kemudahan awam supaya penduduk dapat melakukan aktiviti berfaedah.

"Kekurangan inilah yang menyebabkan mereka mudah terjebak dengan najis dadah," katanya dalam sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Sementara itu menurut Zulkifli, lebih daripada 100,000

penagih dikesan daripada 2014 sehingga September 2018.

Katanya, jumlah itu menyebabkan kerugian jumlah pendapatan kira-kira lebih RM1 billion setahun berdasarkan anggaran gaji minimum golongan itu RM1,000 setiap seorang.

Sehubungan itu katanya, setiap anggota masyarakat dan badan dalam komuniti PPR dan PA perlu memainkan peranan untuk menangani masalah tersebut.

"Masalah dadah bukan sahaja merupakan ancaman kepada kesihatan manusia bahkan amat merugikan produktiviti negara," katanya.



KEPRIHATINAN setiap anggota masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha pencegahan dadah.

Headline	Permukaan jalan rosak angkara lori		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	57	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	477 cm ²
Journalist	ZULFADLI SHARIFUDIN	AdValue	RM 9,514
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,542



OPERASI jentera berat yang bertali arus didakwa menjadi punca kerosakan jalan Kampung Dusun Nanding, Hulu Langat, Selangor.

LOPAK besar yang mengundang kemalangan kepada pengguna jalan raya.

Permukaan jalan rosak angkara lori

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN
kota@utusangroup.com.my

■ HULU LANGAT 31 OKT.

PENDUDUK di Kampung Dusun Nanding di sini berdepan dengan risiko kemalangan ekoran masalah kerosakan jalan raya di Jalan Hulu Langat yang berlarutan sejak sekian lama.

Permukaan jalan tidak rata, berlubang dan berpasir seolah-olah mimpi ngeri kepada mereka yang menggunakan laluan itu untuk urusan harian dan berulang ke tempat kerja saban hari.

Penduduk mendakwa, kerosakan jalan itu berpunca daripada operasi kenderaan berat seperti lori pengangkut yang membawa lebih muatan.

Lebih memburukkan keadaan apabila masalah itu menyebabkan pencemaran debu dan kesesakan lalu lintas.

Aktivis masyarakat, Abdul Jalil Mohd. Nazir berkata, beliau difahamkan masalah kerosakan jalan raya di situ berlaku sejak 10 tahun



ABDUL JALIL MOHD. NAZIR

lalu dan tidak pernah selesai walau kerap dibaiki.

"Berapa kali baiki pun kero-



